

**BAHAGIAN A****[ 30 Markah]**

*Baca kedua-dua e-mel di bawah dengan teliti.*

*Anda dikehendaki menjawab **satu** daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.*

*Panjangnya e-mel anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan.***

Daripada	: rosmah@gmail.com
Kepada	: adam@gmail.com
Subjek	: Kemalangan Jalan Raya

Salam sejahtera, Adam.

Apa khabar? Saya baru tiba di Pulau Pinang dari Ipoh. Saya sekeluarga pergi ke Ipoh untuk bercuti pada hujung minggu. Saya ingin berkongsi cerita tentang perjalanan balik ke Pulau Pinang. Kami terserempak dengan sebuah kemalangan sesampainya kami di Tol Jawi. Sebuah lori dipercayai dipandu dengan laju lalu merempuh sebuah kereta Proton Saga. Saya dan adik ternampak pemandu Proton Saga tersebut terlantar di tepi jalan dan tidak sedarkan diri. Dahsyatnya! Bagaimana kita boleh mengelakkan kemalangan sebegini daripada berlaku?

Saya menantikan respons daripada awak.

Sahabatmu,  
Rosmah

Daripada	: arif@goomail.com
Kepada	: haris@goomail.com
Subjek	: Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

Salam sejahtera, Haris.

Gembiranya saya apabila menerima e-mel daripada anda. Semoga anda dan keluarga baik-baik sahaja.

Saya ingin berkongsi tentang topik Pendidikan Keselamatan Jalan Raya yang diterangkan oleh guru saya. Guru saya telah menerangkan bahawa seseorang yang menggunakan telefon bimbit ketika memandu akan dikenakan kompaun sebanyak RM300 dan dihadapkan ke mahkamah. Bukan itu sahaja, seseorang pemandu yang menyebabkan kematian kerana memandu secara bahaya juga boleh dikenakan hukuman penjara tidak kurang daripada dua tahun dan denda sebanyak RM5,000 hingga RM20,000. Semua maklumat ini baru saya ketahui. Rupa-rupanya, Pendidikan Keselamatan Jalan Raya sangat penting untuk mendidik kita supaya tidak melakukan kesalahan di jalan raya. Apakah pendapat anda?

Saya menantikan respons daripada anda.

Sahabatmu,  
Arif

**BAHAGIAN B**  
**[ 70 MARKAH]**

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah kata**.

**BAHAGIAN B**

**SOALAN 1**

Hubungan yang baik dengan jiran amatlah penting dalam kehidupan. Bagi mereka yang tinggal jauh di perantauan, jiranlah menjadi pengganti keluarga. Merekalah yang menjadi tempat kita mengadu dan meminta pertolongan. Namun sekarang atas kesibukan kerja, hubungan sesama jiran semakin renggang. Malah ada segelintir golongan yang langsung tidak mengenali jiran sebelah rumah. Marilah kita ubah semua cara hidup dan menyantuni jiran tetangga.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cara mewujudkan hubungan baik dengan jiran'  
Oleh Abi Aasim  
[www.today.salamweb.com](http://www.today.salamweb.com), 22 Ogos 2020

Petikan di atas menunjukkan kepentingan-kepentingan hidup berjiran. Anda ingin menyertai sebuah pertandingan syarahan anjuran jawatankuasa penduduk di tempat tinggal anda. Tajuk syarahan yang anda pilih ialah 'Aktiviti Kejiranan Mempererat Hubungan'.

Tulis teks syarahan anda selengkapnya.

**SOALAN 2**

Tekanan atau depresi sebenarnya penyakit mental biasa yang dihadapi oleh masyarakat kini. Menurut data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 264 juta manusia daripada semua kategori umur menghidap penyakit depresi yang majoritinya wanita. Depresi juga penyebab utama kecacatan di seluruh dunia dan penyumbang utama punca penyakit global. Sungguhpun penyakit ini tidak lagi ganjil dalam kalangan masyarakat, namun penyakit ini tidak boleh dipandang remeh dan dijadikan norma.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Segera Bertindak Atasi Tekanan, Depresi'  
oleh Munityatul Mushalli Saadon,  
Universiti Islam Antarabangsa, *Berita Harian*

Petikan di atas berkaitan dengan tekanan atau depresi yang dialami oleh manusia yang diakibatkan oleh pelbagai faktor. Sebagai seorang remaja, huraikan usaha-usaha yang anda lakukan untuk mengelakkan tekanan mental dan emosi menyerang anda.

**SOALAN 3**

Satu daripada cabaran yang kita hadapi pada hari ini untuk menggalakkan budaya membaca ialah pengaruh digital terhadap masyarakat. Pengaruh digital begitu besar sehingga sumber pembacaan tradisional seperti surat khabar dan buku semakin diketepikan. Banyak syarikat akhbar yang terpaksa menggulung tikar kerana jualan merosot manakala buku tinggal mengumpulkan debu di perpustakaan atau di atas rak.

Sumber: Berita Harian Online, 13 Februari 2020

Petikan berita di atas menyatakan maklumat tentang program pembudayaan amalan membaca perlulah disusun secara sistematik dan diperluas ke segenap lapisan masyarakat di seluruh negara.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menggalakkan masyarakat membaca dengan memilih pelbagai wadah pembacaan.

**SOALAN 4**

Setiap usahawan yang ingin berjaya dalam sesuatu perkara yang akan diusahakannya haruslah memiliki beberapa ciri yang akan membantu mereka mencapai matlamat yang diimpikan. Terdapat banyak ciri dan sifat positif yang membantu usahawan sepanjang mereka membina karier mereka. Bagi individu yang memasang impian untuk bergelar status usahawan berjaya tetapi masih belum bersedia dan belum melengkapkan diri dengan sifat-sifat seorang usahawan bakal menemui kegagalan dalam penceritaan usaha mereka.

Sumber: *MyMetro*, 24 Januari 2018

Petikan akhbar menyatakan maklumat yang berkaitan dengan bidang keusahawanan. Keusahawanan ialah suatu kerjaya yang menarik dan menyeronokkan apabila memperoleh keuntungan yang lumayan. Pada masa yang sama, bidang ini sering dikaitkan dengan risiko yang besar kerana kebarangkalian kebankrapannya yang tinggi.

Jelaskan persiapan-persiapan yang perlu dilakukan untuk membantu seseorang individu itu menjalankan perniagaan dengan jayanya.

**KERTAS SOALAN TAMAT.**